


KEMARAU SELURUH NEGARA

» Cuaca panas berterusan sehingga pertengahan Mac dan April

BH 12/3/14 MS 74



Mohamad **meninjau keadaan paras air** di Empangan Kelinchi, Kuala Pilah yang mula surut berikutan faktor cuaca panas. Turut bersama Pengurus Besar Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (Sains) Zulkifli Ibrahim. [FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/ BH]

Oleh Ziauddin Sharuddin,
Jalal Ali Abdul Rahim,
Lum Chee Hong,
Mohd Nasaruddin Parzi,
Mustakim Ramli,
Luqman Arif Abdul Karim,
Syazwan Msar,
Amran Yahya dan
Norashikin Leman
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kitaran normal

“Selepas mengalami hujan lebat Monsun Timur Laut pertengahan Disember lalu, ketiadaan hujan sejak 20 Januari, menjadi punca cuaca panas ketika ini.

“Kitaran ini adalah situasi normal, yang mencetuskan keadaan kering dan dijangka berterusan sehingga hujan diterima pertengahan Mac dan April nanti,” katanya.

Jurucakap itu berkata,



Keadaan paras air di Empangan Batu Ulu Yam, berkurangan akibat cuaca panas.
[FOTO YAZIT RAZALI / BH]



Ketiadaan hujan sejak tiga minggu lalu, mula mencetuskan kemarau di seluruh negara dengan paras kebanyakan empangan mulai merosot.

Keadaan itu berterusan sebulan lagi, apabila Jabatan Meteorologi menjangkakan, hujan hanya akan dialami mulai pertengahan Mac dan April.

Jurucakapnya berkata, kekurangan hujan ketika ini berpunca situasi negara yang berada pada penghujung Monsun Timur Laut.

perantaraan menjangkakan beberapa kawasan pedalaman negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor dijangka menerima sedikit hujan minggu ini, sebelum berdepan cuaca kering sama.

Katanya, keadaan kering ketika ini juga meningkatkan purata suhu negara di antara 34 hingga 36 darjah Celsius, manakala tahap paling rendah 22 darjah celsius.

Di Seremban, cuaca panas menyebabkan paras air beberapa empangan Negeri Sembilan, kini menyusut menghampiri paras kritikal

Antara empangan terabit ialah Kelinchi yang setakat kelmarin, berada pada paras 199.85 meter, satu meter menghampiri paras kritikal, 198.3 meter.

Empangan itu penting kerana bekalannya disalurkan menerusi terowong kepada Empangan Terip di Seremban, yang menjadi sumber air penduduk kawasan barat Negeri Sembilan meliputi Seremban, Nilai, Bandar Enstek, Labu dan Sendayan.

Usaha penjimatan

Menteri Besar, Datuk Seri

Mohamad Hasan, berkata berikutan kemarau itu, Empangan Kelinchi dan Terip, kini tidak lagi boleh beroperasi seperti biasa dan usaha perlu untuk menjimatkan penggunaan bekalan, sekali gus mengurangkan bebanan.

"Antara usaha boleh dibuat ialah mengaktifkan semula paip lama kawasan tertentu seperti Rasah untuk mengambil air dari Sungai Linggi sebagai bekalan ke kawasan barat negeri ini yang paling pesat membangun.

"Air sungai itu boleh diproses di Loji Rawatan Air Sungai Linggi, sekali gus mengurangkan penggunaan air dari Empangan Terip," katanya selepas melawat empangan Talang dan Kelinchi di sini, petang semalam.

Mohamad berkata, kaedah lain termasuk membuat pembenihan awan di Empangan Kelinchi supaya hujan di kawasan itu dapat meningkatkan paras air empangan itu.

"Setakat ini, kita belum sampai ke tahap catuan air. Namun, jika berlarutan, kita mungkin tiada pilihan dan

terpaksa membekalkan air mengikut kawasan tertentu," katanya yang mahu penduduk menggunakan air secara berhemah.

Kesan rekahan

Pengarah Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan, Nor Halim Aludin, berkata tanpa hujan, Empangan Kelinchi dijangka mencecah paras kritikal dalam tempoh 19 hari lagi.

Katanya, usaha sedang dilakukan untuk mengepam air melalui terowong dari Empangan Talang ke Kelinchi bagi mengurangkan penurunan paras air empangan itu.

Di Hulu Selangor, paras air Empangan Batu di Ulu Yam, juga menyusut berikutan ketiadaan hujan.

Tinjauan *BH* mendapati penurunan paras air di situ mewujudkan kesan rekahan di pinggir empangan.

Jurucakap Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) mengakui, ketiadaan hujan dengan tahap kepanasan meningkat menyebabkan paras air empangan menyusut tetapi belum mencapai tahap kritikal.